


Bab 1 : Arah & Kedudukan dalam Peta Topografi

1.1 Lapan Arah Mata Angin Utama

- Arah dpt menunjukkan kedudukan sesuatu lokasi dari lokasi yg lain.
- Arah sesuatu lokasi dpt ditentukan menggunakan arah mata angin.



Titik rujukan : Titik yg menjadi petunjuk kpd titik yg lain.

1.2 Menentukan Arah Lokasi dalam Peta Topografi

- Peta topografi : Peta yg menggambarkan ciri² geografi iaitu ciri fizikal dan budaya.
- Berpandukan ciri² tsbt, kita dpt menentukan arah dari satu lokasi ke satu lokasi lain dlm peta topografi.

Berikut ialah langkah2 utk menentukan arah titik X dari titik Y :

Langkah 1 Tandakan lokasi titik X dan tandakan lokasi titik Y.

Langkah 2 Lukis garisan lurus di antara titik X dan titik Y.

Langkah 3 Tentukan arah mata angin di titik Y kerana titik Y merupakan **titik rujukan**.

Langkah 4 Arah titik X dari titik Y ialah arah **Barat Laut**.

Skala 1 : 50 000
1 cm mewakili 0.5 km

Petunjuk:

	Tangki Air
	Jambatan:
1 Jb	1. Batu
2 Jbs	2. Besi
3 Jk	3. Kayu

Peta asas diterbitkan dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia. Hak Cipta Kerajaan Terpelihara. JUPEM.BPK.600-1/4 (34). Cabutan daripada kepingan Siri MY502A Lembar AY44 Edisi 1.

1.3 Menggunakan Rujukan Grid untuk Menentukan Kedudukan dlm Peta Topografi

- Kedudukan atau lokasi sesuatu tempat dlm peta topografi dpt ditentukan dgn menggunakan rujukan grid iaitu angka di garisan Timuran dan angka di garisan Utaraan.

Rujukan Grid


Kita boleh menentukan kedudukan sesuatu lokasi melalui titik persilangan garisan Timuran dan garisan Utaraan.

Nilai garisan Timuran perlu dibaca terlebih dahulu dan diikuti dengan nilai garisan Utaraan.

Terdapat dua cara untuk menentukan rujukan grid (RG), iaitu rujukan grid 4 angka dan rujukan grid 6 angka.


Cara Menentukan Rujukan Grid 4 Angka	Cara Menentukan Rujukan Grid 6 Angka
<p>➢ Digunakan utk menentukan kedudukan kwsn sprt kwsn pertanian dan hutan.</p> <p>-> Rujukan Grid 4 angka bg kwsn pertanian kelapa di Kg. Parit Nibong : RG 0736</p> 	<p>➢ Digunakan utk menentukan kedudukan sesuatu objek yg lebih spesifik sprt sklh, masjid dan stesen trigonometri.</p> <p>-> Lebih spesifik. Rujukan Grid 6 angka bg masjid : RG 054408</p> 

Langkah-langkah membaca rujukan grid 6 angka



- Perhatikan kedudukan masjid di dalam segi empat grid 0540.
- Bahagikan segi empat grid jarak di antara garisan Timuran 05 dan 06 kepada 10 bahagian yang sekata dan nomborkan dari 0 hingga 10.
- Bahagikan segi empat grid jarak di antara garisan Utaraan 40 dan 41 kepada 10 bahagian yang sekata dan nomborkan dari 0 hingga 10.
- Kenal pasti nilai titik persilangan garisan Timuran iaitu 054 dan garisan Utaraan iaitu 408.


Rujukan Grid 6 angka masjid ialah RG 054408.




Skala 1 : 50 000
1 cm mewakili 0.5 km

Peta asas diterbitkan dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia. Hak Cipta Kerajaan Terpelihara. JUPEM.BPK.600-1/4 (34). Cabutan daripada kepingan Siri MY502A Lembar AY13 Edisi 1.


1.4 Mengukur Bearing Grid dalam Peta Topografi



Bearing grid ialah sudut yang boleh diukur dari arah Utara (0°) mengikut pusingan jam.



Contoh ukuran bearing grid bagi titik B dari A ialah 45° .




Garisan Timuran menunjukkan arah Utara Grid

Bearing grid dpt diukur dgn menggunakan jangka sudut

Langkah² Mengukur Bearing Grid Kurang daripada 180°


- Mengukur bearing grid Tanda Aras 7.50 (RG 616915) dari Stesen Trigonometri Bukit Jong (RG 596926).




i Tentukan rujukan grid 6 angka bagi Tanda Aras 7.50 dan rujukan grid 6 angka bagi Stesen Trigonometri Bukit Jong.

Rujukan grid 6 angka bagi Stesen Trigonometri Bukit Jong ialah RG 596926.

Rujukan grid 6 angka bagi Tanda Aras 7.50 ialah RG 616915.



ii Lukis garisan lurus bermula Tanda Aras 7.50 (RG 616015) ke Stesen Trigonometri Bukit Jong (RG 596926).
Lukiskan arah mata angin di Stesen Trigonometri Bukit Jong kerana merupakan titik rujukan.



iii Letakkan pusat jangka sudut pada Stesen Trigonometri Bukit Jong (RG 596926).
Bearing grid Tanda Aras 7.50 dari Stesen Trigonometri Bukit Jong ialah 120°.


Tanda Aras : Menunjukkan ketinggian sesuatu tempat sebenar di permukaan bumi dari aras laut di sepanjang jln raya.

Stesen Trigonometri : Dpt menunjukkan ketinggian puncak bukit dan gunung yg diukur dlm meter dari aras laut.

Peta asas diterbitkan dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia. Hak Cipta Kerajaan Terpelihara. JUPEM.BPK.600-1/4 (34). Cabutan daripada kepingan Siri MY502A Lembar GA43 Edisi 1.

Langkah² Mengukur Bearing Grid Lebih daripada 180°

- Mengukur Titik Ketinggian 285 di RG 584938 dari Stesen Trigonometri Bukit Jong di RG 596926.



i Tentukan kedua-dua lokasi dan lukis garisan lurus dari Stesen Trigonometri Bukit Jong ke Titik Ketinggian 285.

ii Lukis arah mata angin di Stesen Trigonometri Bukit Jong kerana merupakan titik rujukan.

iii Ukur sudut dari Utara ke Selatan iaitu 180° dan ukur sudut dari arah Selatan ke Titik Ketinggian 285 iaitu 131°.

iv Bearing grid Titik Ketinggian 285 dari Stesen Trigonometri Bukit Jong ialah 311° (180° + 131°).

Titik Ketinggian : Menunjukkan poin dan lokasi ketinggian sesuatu tempat dari aras laut dlm meter.